



## **Kerajaan stabil bolehkan rakyat atasi kemurungan ekonomi**

Pembangunan negara melalui falsafah Keluarga Malaysia dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meliputi aspek keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Ia sangat bersesuaian dengan bagaimana rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa saling berganding bahu sebagai keluarga dalam memulihkan negara daripada impak pandemik.

Sebelum COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi, struktur ekonomi Malaysia pada dasarnya tidak propencari kerja, pekerja, pengguna dan golongan berpendapatan rendah.

Pencari kerja bersaing dengan pekerja asing, ditawarkan gaji rendah dan berhutang sebelum mula bekerja dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), berhadapan masalah kos sara hidup tinggi, pendapatan berkurangan, scammer berleluasa dan peratusan golongan B40 ramai.

Golongan ini yang mempunyai tabungan rendah sangat terkesan jika berlaku sesuatu di luar kawalan.

Gambaran ekonomi negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport, pengeluaran industri, perniagaan runcit dan hotel semakin meningkat tetapi tidak sampai kepada sebahagian besar rakyat atau Keluarga Malaysia.

Sebagai Perdana Menteri bukan berasal golongan bangsawan dan dari luar bandar, ketika kecil menjual aiskrim sekitar kampung, pastinya beliau boleh merasai ekonomi rakyat, kehidupan golongan berpendapatan rendah murung sekian lama.

Murung dan stres memang sedia ada dalam komuniti golongan berpendapatan rendah dan pastinya semakin meningkat akibat impak COVID-19 dan PKP. Angka ekonomi sebelum pandemik daripada sumber Bank Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan **Jabatan Perangkaan Malaysia** memberikan isyarat amaran.

Antaranya, majoriti rakyat akan kehabisan tunai dalam masa seminggu sekiranya hilang sumber pendapatan, manakala 75 peratus tidak boleh menyediakan RM1,000 ketika kecemasan.

Sebanyak 50 peratus isi rumah berpendapatan kurang RM5,228 sebulan sedangkan keluarga seramai empat ahli di Kuala Lumpur memerlukan RM6,500.

### Krisis ekonomi global

Sejumlah 50 peratus pekerja berpendapatan kurang RM2,000 sebulan dengan 29.4 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah dikongsi 57.5 peratus berpendapatan kurang RM6,000 sebulan tetapi 24.4 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah dikongsi 7.1 peratus berpendapatan lebih RM15,000 sebulan.

Dalam konteks wang persaraan, didapati 83 peratus pekerja tidak mempunyai jumlah mencukupi, iaitu 14.5 juta daripada 17.5 juta pekerja, sekali gus hanya 3 juta atau 17 peratus pekerja mempunyai tabungan persaraan mencukupi.

Tidak hairanlah 2.8 juta rakyat mempunyai simpanan kurang RM20,000 dalam KWSP, manakala 1.9 juta pencarum mempunyai tabungan terbabit kurang RM10,000 dengan jumlah Akaun 2 tidak cukup untuk lebih enam bulan.

Secara statistiknya, hanya 37.5 peratus daripada pendapatan negara pergi kepada pekerja sebagai upah dan gaji, manakala 73 peratus peluang pekerjaan diwujudkan negara antara 2015 dan 2016 diperoleh warga asing.

Krisis ekonomi global akan memberi impak kepada golongan berpendapatan rendah. Semasa krisis kewangan Asia 1997-1998, pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup 7.4 peratus.

Impak penguncupan itu, kadar kemiskinan meningkat daripada 6.1 peratus pada 1997 kepada 7.5 peratus (1999). Semasa krisis kewangan 2007-2008, pertumbuhan KDNK menguncup 1.5 peratus (2009), manakala kadar kemiskinan meningkat daripada 3.6 peratus (2007) kepada 3.8 peratus (2009).

Pada 2020, Bank Dunia menjangkakan kemiskinan tegar di Asia boleh meningkat kepada 7.7 peratus pada 2021, malah seperti krisis kewangan berlaku pada 1997 dan 2007, kadar kemiskinan Malaysia juga meningkat akibat pandemik.

Impak ekonomi global akibat pandemik, Malay-sia juga berhadapan dengan masalah struktur ekonomi yang tidak progolongan pekerja, pencari kerja dan golongan berpendapatan rendah.

Perubahan struktur ekonomi ke arah ekonomi digital tidak banyak membantu rakyat kemurungan sebahagian besar tidak mempunyai modal, pendidikan, tingkat pendapatan yang secara relatifnya lebih rendah dan di luar arus pembangunan perdana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tidak dirasai atau tidak sampai kepada majoriti rakyat.

Petunjuk ekonomi yang agregat dan materialistik tidak dapat menggambarkan majoriti ekonomi penduduk Malaysia kemurungan. Dalam keadaan rakyat berhadapan pelbagai masalah dan masa depan tidak menentu serta kemungkinan mendepani kemelesetan ekonomi dunia tahun hadapan, terlalu berpolitik tidak akan menyelesaikan masalah rakyat.

Oleh itu, rakyat memerlukan kerajaan stabil, cekap dan cepat membuat keputusan. Selepas itu, kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan keluarga kita, iaitu Keluarga Malaysia.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/11/1023106/kerajaan-stabil-bolehkan-rakyat-atasi-kemurungan-ekonomi>